

# **BAB 1**

# **BAB SATU**

## **PENGENALAN**

### **1.0 Pendahuluan**

Bahasa sangat penting dalam kehidupan manusia. Kepentingannya tidak dapat dinafikan oleh sesiapa pun. Ia merupakan alat komunikasi yang paling berkesan pernah digunakan oleh manusia. Ia juga digunakan sebagai medium untuk mencapai pelbagai maksud dan kepentingan. Bahasa merupakan asas utama dalam membina hubungan sesama manusia. Melalui bahasa, manusia dapat menyampaikan sesuatu mesej, menerangkan keinginan terhadap sesuatu dan menggambarkan emosi yang terkandung dalam jiwa.

Bahasa mempunyai kaitan yang amat akrab dengan emosi dan perasaan. Kebiasaannya manusia menggunakan bahasa untuk menghuraikan emosi dan perasaan mereka. Emosi atau perasaan yang terkandung dalam minda dan jiwa manusia merupakan sesuatu yang amat kompleks untuk dijelaskan. Dalam kebanyakan situasi, bahasa itu sendiri tidak mampu menggambarkan keseluruhan emosi manusia yang terkandung dalam minda dan jiwa mereka itu. Emosi atau perasaan adalah sesuatu yang amat luas untuk dihurst secara terperinci. Perasaan kagum, bangga, gembira, emosional, sedih, terluka, geram, marah dan lain-lain amat sukar digambarkan secara objektif keseluruhan perasaan tersebut dalam bentuk bunyi dan tulisan.

Walaupun begitu, manusia tetap menggunakan bahasa untuk menggambarkan apa yang mereka fikirkan dalam minda atau apa yang mereka rasai dalam jiwa. Bahasa memuji dan mencela adalah antara bahasa yang digunakan oleh manusia untuk menginterpretasikan emosi atau perasaan mereka terhadap sesuatu. Mereka akan menggunakan bahasa pujian apabila emosi mereka menyukai sesuatu perkara dan minda mereka mentafsirkannya sebagai baik dan positif. Mereka akan menghambur kata-kata kejian dan celaan jika emosi mereka mentafsir sesuatu perkara itu sebagai subjek yang dibenci kerana ia buruk dan bersifat negatif.

Hakikatnya, manusia di seluruh dunia menggunakan pelbagai jenis bahasa dalam urusan kehidupan mereka. Antara bahasa-bahasa tersebut adalah bahasa Arab. Ia merupakan antara bahasa utama di dunia yang digunakan oleh manusia sejak dahulu kala hingga zaman moden sekarang ini. Bahasa Arab bukanlah sebarang bahasa. Ia telah dipilih oleh Allah swt di antara bahasa-bahasa lain di dunia dan menjadikannya sebagai bahasa al-Quran. Ajaran Islam telah menjelaskan bahawa bahasa ini akan digunakan hingga ke alam akhirat nanti. Oleh itu, bahasa Arab memiliki keistimewaan tersendiri di sisi agama Islam yang tidak ada pada bahasa-bahasa yang lain.

Suatu yang tidak dapat dinafikan bahawa bahasa Arab merupakan bahasa yang sangat indah, tetapi agak kompleks. Kedudukannya sebagai bahasa al-Quran telah menarik ramai cendekiawan untuk mengkajinya dengan lebih mendalam khususnya dari aspek struktur bahasa dan linguistiknya. Malahan tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa kajian tentang bahasa dan linguistik Arab telah lengkap dan merangkumi semua aspek perbahasan bahasa dan linguistik itu sendiri. Aspek-aspek perbahasan bahasa dan

linguistik seperti fonetik, fonologi, morfologi, sintaksis, leksikologi dan semantik telah dibincang dan dihuraikan oleh para ulama bahasa Arab sejak ratusan tahun yang lampau. Sedangkan subjek-subjek tersebut baru sahaja dibahaskan dalam bahasa-bahasa lain pada kurun yang lepas atau pada penghujung kurun ke-19 oleh ahli bahasa dan linguistik barat. Cuma mereka telah mengemukakan beberapa teori baru untuk disesuaikan dengan zaman sekarang.

Bidang sintaksis merupakan salah satu cabang ilmu bahasa dan linguistik. Dalam bahasa Arab ia diterjemahkan sebagai Ilmu Nahu atau *Nahw*. Dalam bahasa Melayu pula ia disebut sebagai Ilmu Tatabahasa. Ilmu Nahu Arab sangat kompleks, luas dan halus perbahasannya. Ribuan buku nahu Arab telah dikarang oleh para ulama bahasa Arab. Pelbagai tema dan tajuk dibahaskan dalam buku-buku tersebut. Salah satu subtopik yang dibahaskan dalam buku-buku tersebut ialah Gaya Bahasa Pujian Dan Celaan. Dalam bahasa Arab istilah ini disebut sebagai *Uslub al-Madh Wa al-Dhamm* (أُسْلُوبُ الْمَدْحُ وَالْذِمَّ). Ia adalah sejenis gaya bahasa yang disusun berdasarkan format-format tertentu. Gaya bahasa ini juga menggunakan perkataan-perkataan atau frasa-frasa tertentu ketika memuji dan mencela. Pelbagai kaedah, teori dan syarat diperkenalkan oleh para sarjana dan cendekiawan bahasa Arab untuk menghurai struktur Gaya Bahasa Pujian Dan Celaan dalam bahasa tersebut. Beberapa khilaf telah timbul di kalangan mereka ketika membahaskan isu berkaitan gaya bahasa ini. Pandangan mereka adalah berasaskan pengaruh doktrin yang mereka ikuti. Dalam kebanyakan situasi, Doktrin Basrah dan Kufah merupakan yang paling masyhur dan menonjol. Kedua-dua doktrin ini sering bertelingkah pendapat dalam hampir semua isu sintaksis bahasa Arab. Setiap hujah yang mereka tegakkan pasti diselit bersama dalil dan bukti dari sumber-sumber

bahasa Arab itu sendiri. Membincangkan perselisihan mereka dalam perbahasan Gaya Bahasa Pujian Dan Celaan ini pasti sesuatu yang amat menarik.

Di dalam al-Quran juga terdapat kalam-kalam suci Allah swt dalam bentuk pujian dan celaan. Mengkaji kalam-kalam pujian dan celaan ini juga adalah suatu usaha yang amat berfaedah. Berdasarkan pengamatan penulis sendiri belum ada lagi sebarang penyelidikan yang mengkaji secara khusus tentang Gaya Bahasa Pujian Dan Celaan dalam al-Quran. Oleh itu, disertasi ini memilih subjek ini sebagai fokus utamanya.

Harapan penulis disertasi ini akan memberi informasi baru kepada dunia penyelidikan khususnya bidang pendidikan bahasa Arab di Malaysia serta membuka dimensi baru terhadap pemahaman Gaya Pujian Dan Celaan dalam bahasa Arab serta menambah koleksi kajian al-Quran di Malaysia.

## **1.1 Latar Belakang Kajian Dan Pernyataan Masalah**

Menurut Ahmad Khair (2003:2), bahasa merupakan satu sistem. Sistem ini terdiri daripada bunyi, susunan ayat dan makna. Tiga perkara ini merupakan subjek utama yang dikaji secara saintifik dalam bidang linguistik. Ia diistilahkan sebagai fonologi, sintaksis dan semantik.

Bagi Nik Safiah dan rakan-rakan (1995:317) bidang kajian sintaksis merangkumi perkara berkaitan bentuk, struktur dan binaan atau konstruksi frasa, klausa dan ayat. Pendapat ini selari dengan pendapat Ahmad Khair (2003:1) apabila beliau menjelaskan

bahawa subjek yang paling kecil dikaji dalam bidang sintaksis ialah frasa dan yang paling besar ialah ayat.

Berdasarkan kenyataan di atas dapat dinyatakan bahawa kajian sintaksis bahasa Arab bermaksud mengkaji struktur, klausa dan ayat dalam bahasa Arab berdasarkan sesuatu topik atau subtopik. Kajian terhadap sintaksis bahasa Arab sangat berbeza berbanding kajian terhadap bahasa-bahasa lain. Bahasa Arab merupakan bahasa yang sangat istimewa dan kaya dengan perbendaharaan kata. Struktur nahunya pula agak rumit dan sangat kompleks. Kepelbagaiannya perbendaharaan kata dan struktur nahu Arab jelas menunjukkan bahawa ia adalah bahasa yang halus dan teliti dalam menyampaikan sesuatu maksud. Kehalusan dan ketelitian ini dapat dilihat dengan jelas pada unsur fleksi yang terdapat pada bahasa itu sendiri. Sedikit perubahan pada fleksi boleh merubah makna dan maksud sesuatu ayat. Selain itu, sebarang perubahan pada intonasi dan penekanan suara juga boleh mempengaruhi makna dan kefahaman ayat.

Skop perbahasan ilmu sintaksis bahasa Arab amat luas dan sangat terperinci. Banyak perkara berkaitan bahasa dan linguistik Arab telah pun dibincangkan oleh ahli sintaksis bahasa Arab sejak ratusan tahun yang lampau. Apa yang menjadikan bahasa Arab begitu istimewa ialah banyak perkara yang dibincangkan dalam bidang nahu Arab ini tidak terdapat dalam buku-buku nahu bahasa yang lain sedangkan unsur-unsur bahasa tersebut wujud dalam setiap bahasa yang digunakan.

Gaya bahasa dalam bahasa Arab disebut sebagai uslu:b (أسلوب). Gaya bahasa merupakan antara subtopik yang dibincangkan dalam ilmu sintaksis dan retorik

(البَلَاغَةُ) bahasa Arab. Muḥammad Husni: Mugha:lisat (1997:604) telah meletakkan satu tajuk khusus berkaitan gaya bahasa dalam bukunya al-Naḥw al-Sha:fiyy. Buku tersebut telah membincangkan 10 topik sintaksis bahasa Arab. Topik yang ke-8 adalah berkaitan dengan gaya-gaya bahasa dalam bahasa Arab. Terdapat 9 jenis gaya bahasa yang beliau bincangkan iaitu,

i) Gaya Bahasa Pengecualian (اُسْلُوبُ الِإِسْتِثْنَاءِ).

ii) Gaya Bahasa Seruan (اُسْلُوبُ النَّدَاءِ).

Gaya bahasa seruan ini merangkumi tajuk-tajuk berikut.

- Gaya Bahasa Manja (اُسْلُوبُ تَرْحِيمِ الْمَنَادِيِّ).

- Gaya Bahasa Meminta Pertolongan (اُسْلُوبُ الْاسْتِغْاثَةِ).

- Gaya Bahasa Rintihan (اُسْلُوبُ النُّدُيَّةِ).

iii) Gaya Bahasa Pertentangan (اُسْلُوبُ التَّنَازُعِ).

iv) Gaya Bahasa Mencelah (اُسْلُوبُ الْاشْتِغَالِ).

v) Gaya Bahasa Pujian Dan Celaan (اُسْلُوبُ الْمَدْحُ وَالذَّمِّ).

vi) Gaya Bahasa Pengkhususan (اُسْلُوبُ الْاخْتِصَاصِ).

vii) Gaya Bahasa Galakan Dan Amaran (اُسْلُوبُ الْإِغْرَاءِ وَالْتَّحْذِيرِ).

viii) Gaya Bahasa Takjub (اُسْلُوبُ التَّعْجُبِ).

ix) Gaya Bahasa Pengukuhan KK Dengan Dua ‘nu:n’ tawki:d

(اُسْلُوبُ تَوْكِيدِ الْأَفْعَالِ بِنُونَيِّ التَّوْكِيدِ).

Berdasarkan senarai gaya bahasa di atas, jelas sekali bahawa Gaya Bahasa Pujian Dan Celaan merupakan salah subtopik utama dalam bidang sintaksis bahasa Arab. Setiap ayat pujian dan celaan dalam bahasa Arab terdiri daripada 3 struktur utama, iaitu KK pujian dan celaan, pelaku KK dan subjek pujian atau celaan (Muḥammad Husni: Mugha:lisat, 1997:486). Setiap struktur sintaksis ini terikat dengan beberapa syarat dan

kaedah-kaedah tertentu. Kaedah-kaedah dan syarat-syarat tersebut perlu dipatuhi ketika membina atau menganalisis ayat-ayat tersebut. Sebarang perubahan yang melanggar kaedah dan syarat akan menyebabkan kecacatan pada struktur gaya bahasa tersebut.

Terdapat beberapa khilaf di kalangan pakar nahu bahasa Arab dalam beberapa aspek Gaya Bahasa Pujian Dan Celaan ini. Semua khilaf tersebut akan dihursti dengan panjang lebar dalam disertasi ini sebelum menganalisis ayat-ayat al-Quran yang mengandungi bahasa pujian dan celaan.

## **1.2 Kepentingan Kajian**

Al-Quran merupakan satu-satunya mukjizat maknawiyyah yang diwariskan oleh Nabi Muhammad saw sebagai panduan untuk umatnya hingga ke hari kiamat. Banyak rahsia al-Quran telah dibongkarkan oleh ramai cendekiawan Islam sejak zaman berzaman. Hakikatnya, kehebatan al-Quran masih banyak yang belum diterokai. Malahan pelbagai penemuan baru pasti akan ditemui jika lebih banyak kajian diusahakan. Semua penemuan yang pernah disingkap sebelum ini amat selari dengan fitrah dan prinsip ilmu. Antara bidang-bidang ilmu yang pernah dikaitkan dengan al-Quran ialah bidang linguistik, astronomi, biologi, pertanian, sejarah, ekonomi dan sebagainya.

Kajian ayat-ayat al-Quran yang berasaskan ilmu bahasa dan linguistik bukanlah suatu perkara baru dalam kajian ilmiah. Sudah ribuan ulama telah mengkaji al-Quran berdasarkan cabang ilmu bahasa dan linguistik seperti al-Fara:hi:diyy, Ibn Jinniyy, al-Farra', al-Sayu:tiyy dan lain lain. Kajian-kajian yang pernah dilakukan oleh mereka

merangkumi semua bidang linguistik yang disebut seperti di atas. Kajian-kajian tersebut amat berguna dalam memahami ajaran al-Quran. Hakikatnya, al-Quran merupakan kitab yang amat sempurna dan tiada cacat cela padanya. Ini dibuktikan dengan firman Allah swt di dalam surah al-Zumar ayat 27 hingga 28.

وَلَقَدْ ضَرَبَنَا لِلنَّاسِ فِي هَذَا الْقُرْءَانِ مِنْ كُلِّ مَثَلٍ لَّعَلَّهُمْ يَتَذَكَّرُونَ ﴿٢٧﴾ قُرْءَانًا عَرَبِيًّا  
غَيْرَ ذِي عِوْجٍ لَّعَلَّهُمْ يَتَّقُونَ ﴿٢٨﴾

*Maksudnya : (27)“Dan demi sesungguhnya kami telah mengemukakan kepada umat manusia berbagai misal perbandingan dalam al-Quran ini, supaya mereka mengambil peringatan dan pelajaran. (28)Iaitu al-Quran yang berbahasa Arab yang tidak mengandungi sebarang keterangan yang terpesong, supaya mereka bertakwa”.*

Ayat di atas merupakan penegasan daripada Allah swt tentang betapa kitab al-Quran merupakan kalam Allah swt yang amat sempurna dan tiada cela padanya. Ia diturunkan dalam bahasa Arab yang merupakan bahasa terbaik antara bahasa-bahasa di dunia.

Al-Quran diturunkan kepada manusia sebelum kaedah-kaedah ilmu sintaksis dibukukan oleh para sarjana sintaksis bahasa Arab. Oleh itu setiap kaedah dan teori bahasa dan linguistik yang disusun atur perlu dirujuk kepada struktur bahasa al-Quran terlebih dahulu. Ia merupakan sumber utama ilmu bahasa dan linguistik Arab dan tidak boleh tunduk kepada sebarang kaedah dan teori yang dicipta oleh manusia. Malahan kaedah dan teori yang dibina itu perlu mengikut struktur ayat-ayat al-Quran. Sebarang teori dianggap salah jika ia bercanggah dengan struktur ayat al-Quran dan perlu diubah agar

selari dengannya. Walaubagaimanapun semua kaedah bahasa yang telah disusun dalam ilmu sintaksis bahasa Arab tidak bercanggah dengan struktur ayat-ayat al-Quran.

Menganalisis ayat-ayat pujian dan celaan dalam kitab suci al-Quran merupakan satu usaha yang mencabar. Walaupun begitu, kajian ini tetap perlu ditonjolkan secara mendalam dan serius kerana sepanjang pengetahuan penulis belum ada lagi pengkaji-pengkaji tempatan yang pernah membuat penyelidikan tentang bahasa pujian dan celaan secara menyeluruh di dalam al-Quran. Justeru itu, penulis amat berminat untuk menyumbang idea berkaitan gaya bahasa ini sementelah pula ia berkaitan secara langsung dengan kalam Allah swt.

Dalam bahasa Arab sendiri terdapat berpuluhan-perpuluhan perkataan pujian dan celaan. Tetapi hanya perkataan-perkataan tertentu sahaja digunakan oleh Allah swt di dalam al-Quran. Disertasi ini akan mengupas jenis-jenis perkataan pujian dan celaan yang digunakan oleh orang Arab berdasarkan kaedah dan teori ilmu sintaksis kemudian menganalisis jenis perkataan yang terdapat di dalam al-Quran.

### **1.3 Objektif**

Disertasi ini akan disempurnakan bagi memenuhi objektif-objektif seperti berikut.

- 1) Mengenalpasti semua ayat sintaksis pujian dan celaan dalam al-Quran.
- 2) Menganalisis jenis ayat pujian dan celaan dalam al-Quran.
- 3) Mengkaji jenis, struktur dan fleksi ayat pujian dan celaan dan mengambil istifa:da:t (pengajaran) daripadanya.

- 4) Menghurai perkara-perkara yang dijadikan subjek pujian dan celaan oleh Allah swt.

#### **1.4 Persoalan Kajian**

Berdasarkan latar belakang, permasalahan, kepentingan kajian dan objektif kajian yang telah dihuraikan di atas, maka disertasi ini akan dilaksanakan oleh penulis bagi menjawab persoalan-persoalan seperti berikut.

- 1) Apakah perkataan-perkataan yang digunakan dalam struktur ayat pujian dan celaan yang terdapat dalam kitab al-Quran?
- 2) Berapakah bilangan ayat al-Quran yang menggunakan Gaya Bahasa Pujian Dan Celaan?
- 3) Bagaimanakah ahli bahasa dan linguistik Arab menghurai struktur ayat pujian dan celaan dalam bahasa Arab?
- 4) Adakah terdapat perbezaan pendapat di kalangan ahli bahasa dalam menghurai fleksi dan struktur ayat pujian dan celaan?
- 5) Apakah perkara-perkara yang dijadikan subjek pujian dan celaan dalam ayat-ayat pujian dan celaan dalam al-Quran?

#### **1.5 Skop Kajian**

Disertasi ini akan dilaksanakan dengan fokus utama terhadap Gaya Bahasa Pujian Dan Celaan jenis tersurat sahaja. Semua kaedah dan teori berkaitan gaya bahasa ini akan dihuraikan secara terperinci oleh penulis. Penulis akan menganalisis ayat-ayat pujian dan

celaan yang terdapat dalam al-Quran berdasarkan semua kaedah serta teori tersebut. Selain itu, penulis akan memetik beberapa hadis nabi, bait-bait syair, kata-kata hikmah dan kalam-kalam Arab sebagai bahan sokongan.

### **1.6 Bidang Kajian**

Hakikatnya, kajian tentang bahasa pujian dan celaan dalam bahasa Arab boleh dikaji melalui bidang sintaksis, semantik dan retorik. Setiap bidang ilmu tersebut mengupas bahasa pujian dan celaan dari perspektif yang berbeza. Ilmu sintaksis mengupas aspek struktur sesuatu bahasa. Ilmu semantik pula menekankan aspek makna. Manakala ilmu retorik berfokuskan kepada aspek keindahan sesuatu bahasa.

Disertasi ini, secara keseluruhannya, akan dilaksanakan berdasarkan bidang sintaksis bahasa Arab. Perbahasan dalam penyelidikan ini lebih tertumpu kepada mengurai struktur ayat pujian dan celaan yang terdiri dari frasa-frasa tertentu tanpa menekankan aspek makna atau keindahan bahasa. Penyelidikan ini akan dimulakan dengan mengetengahkan pandangan-pandangan ahli sarjana bahasa Arab tentang struktur Gaya Bahasa Pujian Dan Celaan dan kemudiannya melakukan kajian gaya bahasa tersebut dalam ayat-ayat al-Quran.

### **1.7 Tinjauan Literatur**

Menganalisis gaya bahasa al-Quran bukanlah satu perkara baru. Sudah ramai pengkaji bahasa al-Quran sama ada di Malaysia atau di luar negara telah melakukan kajian dan

menghurai bahasa mukjizat maknawiyyah ini. Kehebatan bahasa al-Quran adalah sesuatu yang tidak dapat dinafikan. Sejak wahyu pertama diturunkan sehingga ke hari ini kehebatan al-Quran terus diakui sama ada oleh orang Islam sendiri atau orang bukan Islam. Bahkan, Allah swt sendiri mencabar manusia supaya mencipta ayat yang boleh menandingi kehebatan ayat al-Quran. Tetapi, tidak ada sesiapapun yang mampu membinanya - walaupun satu ayat - yang berupaya menandingi kehebatannya.

Sesungguhnya kajian tentang bahasa dan linguistik Arab amat membantu memahami bahasa al-Quran itu sendiri. Universiti Malaya (UM) merupakan institusi pengajian tinggi (IPT) yang terawal mengasaskan pengajian bahasa Arab di Malaysia. Ia merupakan pelopor pengajian bahasa dan linguistik Arab di tanah air. Banyak kajian ilmiah telah dilaksanakan di sini. Jasa UM terhadap perkembangan bahasa Arab di Malaysia amat besar.

Kajian disertasi ini merupakan salah satu kajian yang diharap dapat menyumbang kepada perkembangan bahasa Arab di Malaysia. Sebelum melaksanakan kajian ini, penulis perlu memastikan tidak ada sebarang unsur keserupaan dengan kajian lepas. Oleh itu penulis telah membuat kajian literatur bagi memastikan tidak berlaku pertembungan kajian yang boleh menimbulkan keraguan dan syak wasangka terhadap plagiarism.

Hasil dari penyelidikan yang telah dilakukan, penulis mendapati analisis ayat-ayat pujian dan celaan di dalam al-Quran masih belum diterokai oleh mana-mana penyelidik.

Bahkan penulis juga tidak menjumpai sebarang kajian yang relatif dengan analisis Gaya Bahasa Pujian Dan Celaan di dalam al-Quran yang pernah ditulis, khususnya di UM.

Walaupun begitu, penulis telah menemui beberapa kajian yang berkaitan dengan analisis gaya bahasa yang mirip dengan kajian ini. Kajian-kajian tersebut mirip dari segi format, metodologi dan rekabentuk kajian sahaja. Ia tiada kaitan dengan analisis Gaya Bahasa Pujian Dan Celaan yang menjadi fokus utama disertasi ini. Penulis telah merujuk hasil-hasil kajian tersebut untuk melihat metod, format dan hasil penulisan tersebut untuk dijadikan panduan semasa menulis disertasi ini. Berikut adalah di antara kajian-kajian tersebut.

- i) “Uslu:b Al-Istifha:m Dalam Al-Quran : Satu Analisis Dalam Al-Quran” oleh Mohd Sodri bin Abdullah (1999), disertasi sarjana bahasa Arab, UM. Penulis tesis ini telah mengeluarkan sebahagian ayat al-Quran yang mengandungi gaya bahasa pertanyaan. Kemudian beliau menghurai jenis-jenis ayat pertanyaan dalam ayat-ayat tersebut. Walaubagaimanapun beliau hanya memetik sebahagian sahaja daripada ayat-ayat tersebut sebagai contoh. Terdapat satu lagi kajian yang menggunakan tajuk yang hampir sama dengan tesis ini. Ia ditulis pada tahun yang sama oleh Muhamad Farid Wajdi bin Tajudin (1999). Walaubagaimanapun, penyelidikan ini hanya mengkaji ayat-ayat pertanyaan dalam surah al-Baqarah sahaja. Ini menjadikan fokus kajian ini lebih sempit. Manakala intipati kajian ini hampir sama dengan kajian pertama.

- ii) “Uslub Al-Taukid Dalam al-Quran: Satu Analisis Dalam Surah al-Baqarah” oleh Mohamad Helmi bin Sofi (1998), disertasi sarjana bahasa Arab, UM. Fokus disertasi ini ialah gaya bahasa pengukuhan atau tawki:d. Penulis disertasi ini telah menghurai pengertian tawki:d dari segi ilmu sintaksis dan retorik serta jenis-jenis gaya bahasa tawki:d. Kemudian pengkaji telah menyenarai semua jenis tawki:d dan mengaplikasikannya di dalam surah al-Baqarah sahaja. Terdapat satu lagi kajian peringkat sarjana yang mengkaji tajuk yang sama iaitu “Penggunaan Huruf Taukid Dalam Surah Yasin : Satu Analisis Nahu Arab” oleh Baharuddin bin Abdullah (2003). Kajian ini juga hanya terhad kepada satu surah sahaja iaitu Yaasin.
- iii) “Analisis Gaya Bahasa Doa : Satu Kajian Deskriptif Di Dalam Al-Quran” oleh Saipol Barin bin Ramli (2005), disertasi sarjana bahasa Arab, UM. Disertasi ini dilakukan dari perspektif linguistik dan retorik Arab. Pengkaji hanya menjadikan ayat-ayat doa yang terdapat di dalam al-Quran sebagai platform untuk diaplikasikan teori-teori gaya bahasa doa dalam bahasa Arab.

Pengkaji-pengkaji di atas telah menjadikan ayat-ayat al-Quran sebagai subjek untuk dianalisis berdasarkan ilmu sintaksis bahasa Arab di samping menyentuh beberapa aspek lain seperti fonetik, fonologi, retorik dan semantik. Walaupun begitu kajian-kajian itu tidak mempunyai hubungkait dengan penyelidikan yang akan dilakukan oleh penulis.

## **1.8 Metodologi Kajian**

Setelah mendapat kepastian bahawa tajuk disertasi ini belum lagi dikaji oleh mana-mana penyelidik terdahulu, maka penulis telah merangka metodologi dan rekabentuk khusus untuk kajian ini. Metodologi dan rekabentuk merupakan keterangan tentang cara penyelidikan ini ditulis dari awal penulisan hingga memperolehi hasil dan membuat kesimpulan.

Menentukan metodologi dan merancang rekabentuk disertasi amat penting sebelum memulakan sesuatu penyelidikan. Ia merupakan garis panduan utama semasa menjalankan sesuatu kajian. Menurut Sulaiman Masri (2005:25) “Hasil dan rumusan sesuatu penyelidikan sangat ditentukan oleh kaedah atau metod dan rekabentuk kajian”.

Jelas sekali di sini bahawa sebarang keputusan yang diperolehi di akhir kajian amat bergantung kepada metod penyelidikan yang dirancang dan rekabentuk kajian yang digunakan. Oleh itu, setiap penyelidik perlu berhati-hati merancang metod dan rekabentuk yang sesuai dengan penyelidikan yang bakal dilakukan.

Untuk memilih rekabentuk kajian yang betul maka objektif kajian perlu dijadikan rujukan utama (Chua, 2006:53). Pemilihan metod yang salah akan meletakkan penulis dalam keadaan dilema. Ini kerana kesilapan tersebut akan menyebabkan objektif kajian tidak tercapai, persoalan kajian tidak dapat diselesaikan dan hasil kajian tidak seperti yang diharapkan. Di sini jelas sekali bahawa rekabentuk merupakan aspek yang akan menemukan jawapan kepada persoalan-persoalan kajian (Sulaiman Masri, 2005:25).

Berdasarkan objektif kajian ini, penulis telah mengenalpasti bahawa kajian yang akan dilakukan ini adalah berbentuk analitikal dan deskriptif terhadap data-data teorikal. Ia tidak melibatkan data-data yang bersifat numerikal. Chua Yan Piaw (2006:9) pernah menyatakan bahawa sebarang kajian yang tidak bersifat numerikal dikenali sebagai kajian kualitatif. Beliau juga dengan jelas telah mengklasifikasikan kajian bahasa dan linguistik sebagai salah satu daripada kajian kualitatif (Chua, 2006:6). Manakala kajian yang melibatkan data numerikal dikenali sebagai kajian kuantitatif (Chua,2006:7).

Penulis juga telah mengenalpasti kebanyakan data-data yang diperlukan untuk penyelidikan ini adalah dari sumber penulisan para sarjana sarjana sintaksis. Bahkan, hampir semua data untuk disertasi ini diperolehi melalui pembacaan dan pemerhatian terhadap pandangan-pandangan ahli sarjana tersebut. Oleh itu kaedah kajian kepustakaan adalah kaedah yang paling sesuai dan akan digunakan untuk menyiapkan disertasi ini.

Selain itu, data-data yang diperolehi untuk disertasi ini tidak melibatkan individu-individu atau sampel-sampel hidup untuk dibuat eksperimen. Semua sampel yang terlibat dengan disertasi ini hanyalah ayat-ayat al-Quran yang perlu dianalisis dan diuraikan strukturnya. Oleh itu, kajian ini adalah kajian bukan eksperimental.

Kebanyakan data-data yang diperlukan untuk kajian ini adalah berbentuk kualitatif. Data-data tersebut perlu dikumpul terlebih dahulu dan kemudian dianalisis untuk mendapat maklumat baru. Berdasarkan realiti tersebut, maka dua metod berikut akan digunakan sepanjang kajian ini dilakukan.

- i) Metod pengumpulan data.
- ii) Metod analisis data.

Kedua-dua metod ini, kebiasaannya digunakan oleh setiap penyelidik dalam semua bidang penyelidikan. Walaupun begitu, cara perlaksanaan metod tersebut berbeza antara seorang penyelidik dengan penyelidik yang lain. Berikut adalah cara metod-metod tersebut akan dilakukan oleh penulis sepanjang penulisan disertasi ini dilakukan.

### **1.8.1 Metod Pengumpulan Data**

Dalam usaha mendapatkan data berkaitan isu ini, langkah pertama yang akan dilakukan oleh penulis ialah membuat kajian kepustakaan. Penulis perlu mendapatkan bahan-bahan rujukan lama dan baru bagi memperolehi maklumat yang relatif dengan tajuk kajian. Kebanyakan bahan rujukan yang diperlukan adalah dalam bahasa Arab. UM ada menyediakan bahan-bahan rujukan yang diperlukan tetapi masih belum mencukupi. Terdapat beberapa perpustakaan IPTA dan perpustakaan awam di negara kita yang menyediakan bahan-bahan rujukan tambahan. Ia terletak berselerakan di tempat-tempat tertentu di Malaysia. Antara perpustakaan-perpustakaan yang dapat membantu penulis sepanjang penyelidikan ini dilakukan ialah,

- i) Perpustakaan Utama, UM.
- ii) Perpustakaan Peringatan Za'ba, UM.
- iii) Perpustakaan Fakulti Bahasa Dan Linguistik, UM.
- iv) Perpustakaan Pengajian Islam. UM.
- v) Perpustakaan KUIN.

vi) Perpustakaan JAKIM/Pusat Islam.

Selain itu, penulis akan menggunakan koleksi buku yang ada dalam simpanan penulis sebagai salah satu sumber rujukan. Tidak dapat dinafikan bahawa perkhidmatan internet juga dapat membantu penulis mendapatkan data-data tambahan. Kemudahan internet boleh membantu penulis untuk mendapatkan data-data dari buku rujukan yang sukar dicapai.

Pada peringkat awal penyelidikan, penulis akan merujuk buku-buku sintaksis lama dan baru. Realitinya, kebanyakan buku rujukan ini ditulis dalam bahasa Arab. Bahkan, hampir semua buku rujukan penting untuk disertasi ini ditulis dalam bahasa tersebut. Beberapa buku rujukan dalam bahasa Melayu - jika ada - akan digunakan sebagai bahan rujukan sekunder. Walaubagaimanapun bilangan bahan rujukan seperti ini - dalam bahasa Melayu - adalah amat terhad.

Melalui buku-buku rujukan yang diperolehi, penulis akan mengumpul teori-teori dan pendapat-pendapat ahli sarjana bahasa Arab berkaitan Gaya Bahasa Pujian Dan Celaan. Semua teori dan pendapat tersebut akan dikumpul bersama dalil-dalil dan hujah-hujah yang tha:bit dengannya. Berdasarkan pengamatan penulis, kebanyakan data yang akan diperolehi oleh penulis adalah dalam bahasa Arab. Justeru itu, setiap data tersebut perlu dibaca dengan berhati-hati supaya maksudnya dapat difahami dengan tepat. Kemudian data-data tersebut akan diterjemah ke dalam bentuk teks bahasa Melayu menggunakan frasa-frasa bahasa Melayu yang betul.

Proses terjemahan teks ilmiah dari satu bahasa ke bahasa yang lain bukanlah suatu perkara yang mudah. Apatah lagi apabila dua bahasa tersebut berasal dari rumpun bahasa yang berbeza. Contohnya bahasa Melayu dan bahasa Arab. Beberapa kesulitan akan dihadapi oleh penulis sepanjang proses penterjemahan ini dilaksanakan. Antaranya ialah kesulitan menterjemahkan isitilah-isitilah sintaksis bahasa Arab ke bahasa Melayu. Beberapa istilah khusus berkaitan Gaya Bahasa Pujian Dan Celaan tidak pernah diterjemahkan secara ilmiah ke dalam bahasa Melayu sebelum ini. Dalam situasi ini penulis perlu berhati-hati agar tidak tersalah terjemahan sehingga boleh menimbulkan kekeliruan dalam pemahamannya.

Setelah data-data teorikal dikumpul, penulis akan mula mengumpul ayat-ayat al-Quran yang mengandungi struktur Gaya Bahasa Pujian Dan Celaan. Ayat-ayat tersebut akan dilabel surah dan nombornya. Kemudian ayat-ayat tersebut akan dikategorikan kepada ayat-ayat pujian dan ayat-ayat celaan. Melalui proses ini, penulis akan dapat mengenalpasti jenis-jenis frasa pujian dan celaan yang terdapat dalam al-Quran.

Melalui kajian kepustakaan ini penulis akan memperolehi dua jenis data, iaitu,

- i) Data primier – diperolehi dari bahan rujukan primier seperti kitab al-Quran, buku-buku sintaksis, buku-buku morfologi, kitab-kitab tafsir al-Quran, disertasi sarjana dan kedoktoran.
- ii) Data sekunder – diperolehi dari bahan rujukan sekunder seperti jurnal, rencana, buku-buku ringkasan nahu Arab dan bahan-bahan dari internet.

Secara umumnya data-data dari metod pertama ini terbahagi kepada dua jenis, iaitu,

- i) Teori-teori sintaksis dan pandangan-pandangan ahli sarjana dan ilmuan bahasa Arab berkaitan Gaya Bahasa Pujian Dan Celaan.
- ii) Ayat-ayat suci al-Quran yang relatif dengan Gaya Bahasa Pujian Dan Celaan.

Setelah semua data teorikal dan ayat-ayat pujian dan celaan dikumpul, maka penulis akan melangkah ke fasa ke dua penyelidikan ini, iaitu fasa menganalisis data-data yang diperolehi.

### **1.8.2 Metod Analisis Data**

Metod ini akan digunakan oleh penulis setelah semua data teorikal dan ayat-ayat pujian dan celaan diperolehi. Pada peringkat awal metod ini, penulis akan menganalisis makna perkataan-perkataan pujian dan celaan satu persatu dari segi bahasa. Perkataan-perkataan ini akan dihursti maknanya satu persatu dari sudut pengertiannya dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu. Selain itu penulis akan menggunakan data-data dari kitab terjemahan al-Quran untuk menghursti perkataan-perkataan tersebut.

Setelah itu, penulis akan menganalisis data-data berkaitan teori, kaedah dan pandangan sarjana Arab tentang gaya Bahasa Pujian Dan Celaan. Penulis perlu membuat perbandingan antara pendapat-pendapat dan pandangan-pandangan tersebut. Tujuan perbandingan ini adalah untuk menentukan pendapat atau pandangan yang paling tepat dan kuat.

Idris Awang (2001:6) yang dipetik daripada Carl James (1980) pernah menyatakan, terdapat dua bentuk kajian perbandingan dalam kajian ilmiah, iaitu perbandingan dan kontrastif. Kajian perbandingan dilakukan dengan tujuan untuk mencari persamaan dan perbezaan dua unsur (atau lebih) yang serupa dengan cara memperbandingkannya (juxtapose). Kedua-dua unsur itu dideskripsi dengan detail kemudian diperbandingkan untuk mengesan persamaan dan perbezaan. Kajian kontrastif pula lebih tertumpu kepada mencari implikasi persamaan dan perbezaan di antara dua unsur yang diperbandingkan. Falsafah di sebalik kajian kontrastif ialah setiap persamaan yang wujud akan memberi kemudahan manakala setiap perbezaan pula akan membawa kepada kesukaran kepada mereka yang terlibat. Disertasi yang akan dilaksanakan oleh penulis ini cenderung kepada bentuk kajian perbandingan iaitu untuk mengesan persamaan dan perbezaan pendapat. Oleh itu, ia bukanlah bersifat kontrastif.

Melalui penyelidikan ini juga penulis perlu membuat perbandingan teori-teori Gaya Bahasa Pujian Dan Celaan dan menggunakan ayat-ayat al-Quran, hadis-hadis nabi, bait-bait syair serta ungkapan-ungkapan Arab sebagai contoh dan dalil kepada teori yang dikemukakan. Teori dan pendapat ahli sarjana doktrin Basrah dan Kufah akan diambil perhatian lebih kerana kedua-dua doktrin ini sangat kontras dan saling berbeza pendapat. Teori yang agak kontras dengan realiti akan dianggap sebagai lemah.

Setelah selesai membuat perbandingan terhadap semua teori dan pandangan para sarjana bahasa dan linguistik, maka penulis akan mula menganalisis semua ayat al-Quran yang mengandungi frasa-frasa pujian dan celaan. Penulis akan menganalisis semua struktur ayat pujian dan celaan dalam semua ayat al-Quran yang mengandungi

bahasa pujian dan celaan yang telah dikumpul. Analisis ayat-ayat ini akan dilakukan dengan penuh berwaspada supaya tidak berlaku keciciran maklumat atau kesilapan analisis.

Setelah selesai proses menganalisis, penulis akan membuat rumusan dan kesimpulan terhadap kajian ini. Rumusan dan kesimpulan sangat penting dalam sesuatu penyelidikan. Ini kerana ia adalah intipati kepada sesuatu penyelidikan. Dalam hal ini penulis perlu berhati-hati menjelaskan intipati-intipati serta dapatan-dapatan yang diperolehi sepanjang penyelidikan ini dilaksanakan. Ini supaya tiada perkara-perkara penting ditinggalkan semasa menerangkan kesimpulan disertasi ini. Akhir sekali, penulis amat berharap penyelidikan ini dapat memberi manfaat kepada para pengkaji dan pembaca serta menyumbang sesuatu yang bermakna terhadap dunia akademik di negara Malaysia ini.

## **1.9 Rekabentuk Kajian**

Kajian disertasi ini akan disusun mengikut bab-bab seperti berikut.

### **BAB 1 : PENGENALAN.**

Bab ini menerangkan tentang pengenalan kajian ini seperti pendahuluan, latar belakang kajian, pernyataan masalah, kepentingan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, skop kajian, bidang kajian, tinjauan literatur, metodologi kajian dan rekabentuk kajian.

## BAB 2 : GAYA BAHASA PUJIAN DAN CELAAN : PENGERTIAN DAN PANDANGAN AHLI SARJANA

Bab ini akan menghurai pengertian Gaya Bahasa Pujian Dan Celaan dari segi bahasa dan istilah berdasarkan pandangan-pandangan ahli bahasa. Seterusnya penulis akan menerangkan pandangan-pandangan mereka tentang struktur ayat-ayat pujian dan celaan. Selain itu penulis juga mengetengahkan cara-cara menukar KK biasa kepada KK pujian dan celaan.

## BAB 3 : ANALISIS AYAT-AYAT NI'MA DAN BI'SA DALAM AL-QURAN.

Bab ini dikhkusukan untuk menganalisis ayat-ayat al-Quran yang mengandungi KK ni'ma dan bi'sa sahaja. Proses menganalisis ayat-ayat ini akan dilakukan berdasarkan struktur ayat, iaitu pola KK, pelaku dan subjek pujian dan celaan.

## BAB 4 : ANALISIS AYAT-AYAT PUJIAN DAN CELAAN DALAM POLA KK THULA:THIYY ŞAHI:H FA'ULA.

Bab ini pula dikhkusukan untuk menghurai dan menganalisis ayat-ayat al-Quran yang mengandungi KK pujian dan celaan dalam Pola KK thula:thiyy şahi:h, KK thula:thiyy berulang dan KK thula:thiyy mu'tal. Cara dan proses analisis dalam bab ini agak berbeza dengan proses analisis dalam bab sebelumnya. Dalam bab ini penulis akan menganalisis ayat-ayat tersebut satu persatu dan bukannya berasaskan struktur Gaya Bahasa Pujian Dan Celaan.

## BAB5 : KESIMPULAN.

Bab ini pula dikhususkan untuk menghurai hasil dapatan atau intipati penyelidikan. Penulis akan membuat kesimpulan-kesimpulan yang relevan dengan penyelidikan ini. Antara perkara yang akan dijelaskan dalam bab ini ialah jenis-jenis pujian dan celaan, cara i‘ra:b, bentuk pujian dan celaan dalam al-Quran dan sebagainya.

### **1.10 Penutup**

Kajian tentang Gaya Bahasa Pujian Dan Celaan sangat menarik minat penulis apatah lagi apabila ia dikaitkan dengan ayat-ayat suci al-Quran al-Karim. Kajian tentang laras bahasa ini menjadi sangat luas jika diambilkira semua jenis pujian dan celaan ini, iaitu jenis tersurat dan tersirat. Walaubagaimanapun kajian disertasi ini akan dilaksanakan untuk mengkaji jenis Gaya Bahasa Pujian Dan Celaan jenis tersurat sahaja. Berdasarkan kajian literatur yang dijalankan, penulis yakin bahawa penyelidikan tentang Gaya Bahasa Pujian Dan Celaan yang terdapat dalam al-Quran belum lagi dilaksanakan oleh mana-mana penyelidik terdahulu. Oleh itu penulis amat berharap metodologi dan rekabentuk yang telah dirancang oleh penulis dapat merealisasikan objektif kajian dan dapat menjawab semua persoalan yang dikemukakan dalam kajian literatur ini.